Prof. Emeritus Dr. Ario

kongsi kepakaran teknologi kejuruteraan pembuatan

Berita dan foto oleh: MOHAMAD RUSYDI MOHAMAD YASIN

Universiti Malaysia Pahang (UMP) menerima kunjungan Profesor Emeritus Dr. Ario Ohsato dari Nagaoka University of Technology, Jepun yang merupakan Profesor Pelawat bagi program Teknologi Kejuruteraan di Fakulti Teknologi pada 19 April yang lalu.

Dalam kunjungan ini, Profesor Emeritus Dr. Ario berpeluang memberikan khidmat pakar beliau bagi program Teknologi Kejuruteraan Pembuatan terutamanya berkaitan dengan silibus program dan berkongsi pengalaman dalam membincangkan pelan dan cara pengajaran serta '*Program Educational Outcome*' program yang bersesuaian dengan kehendak semasa.

Menurut Dekan Fakulti Teknologi, Profesor Madya Dr. Zularisam Abd. Wahid, berkata, Profesor Emeritus Dr. Ario turut terlibat dalam proses '*vetting*' bagi kertas peperiksaan akhir program Teknologi Kejuruteraan Pembuatan semester 2 bagi sesi akademik 2013/2014 yang diadakan pada 8 April lalu.

"Beliau juga banyak berkongsi idea tentang skop dan pengendalian projek dalam sesi diskusi dan bengkel berkenaan projek tahun akhir bagi pelajar fakulti ini yang dikendalikan bersama pensyarah Teknologi Kejuruteraan Pembuatan.

"Jabatan Kejuruteraan Teknologi turut menganjurkan program syarahan akademik kepada pelajar Fakulti Teknologi, khususnya dari program Teknologi Kejuruteraan Pembuatan dengan tajuk "*Production and Systems: The Making of Things and The Concept of Systems*" bagi membolehkan Profesor Emeritus Dr. Ario berkongsi kepakaran beliau berkaitan teknologi kejuruteraan sistem dalam melakukan operasi pembuatan," katanya. Turut dianjurkan Syarahan Umum Akademik bertajuk "*Robotic Research*" berhubung projek pembangunan robot yang mampu digunakan untuk menyahaktif bahan letupan periuk api di medan peperangan.

Dalam memanfaatkan kunjungan ini, pihak jabatan juga mengatur kolaborasi dengan pihak industri yang terletak dalam Wilayah Ekonomi Koridor Utara Malaysia (NCER). Antaranya melibatkan kilang automotif Hicom-Honda dan syarikat pembuat cip gergasi, Intel Corporation. Delegasi UMP disertai seramai lima orang staf akademik dan Profesor Emeritus Dr. Ario juga berpeluang melawat kilang Burnmark Industries yang terletak di Kuala Lumpur.

Kunjungan Profesor Emeritus Dr. Ario berkongsi pengalaman pastinya mampu menyuntik semangat dalam kalangan warga universiti terutamanya dalam membangunkan program teknologi kejuruteraan pembuatan di universiti ini.